

sama dengan soalan YB Mas Gading pada 23 Mac dan YB Kuala Selangor pada 1 April 2015 kerana soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang hampir sama iaitu berkaitan dengan hutang isi rumah.

2. Kerajaan adalah komited untuk memastikan tahap hutang isi rumah terus berada pada paras yang terkawal. Pihak Kerajaan serta Bank Negara Malaysia juga telah melaksanakan pelbagai langkah progresif bagi membendung kenaikan hutang isi rumah untuk memastikan tahap keberhutangan sektor isi rumah kekal terkawal dan tidak mencetuskan ketidakstabilan kewangan.

3. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, peningkatan jumlah hutang isi rumah adalah pada kadar yang semakin perlahan sejak dua tahun yang lepas. Pada akhir 2014, hutang isi rumah telah meningkat 9.9% berbanding pertumbuhan 11.5% pada tahun 2013 dan 13.8% pada tahun 2012. Tahap keberhutangan isi rumah di Malaysia adalah sebanyak RM940.4 bilion pada akhir tahun 2014. Berhubung dengan statistik hutang isi rumah mengikut pendapatan, jumlah isi rumah yang berpendapatan RM3,000 sebulan dan ke bawah mencakupi 27% daripada jumlah hutang

isi rumah. Bagi isi rumah berpendapatan bulanan antara RM3,001 hingga RM5,000 pula adalah sebanyak 24% daripada jumlah hutang isi rumah, manakala kumpulan isi rumah yang berpendapatan lebih daripada RM5,000 sebulan merangkumi 49%.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Paras hutang isi rumah dijangka kekal tinggi dalam beberapa tahun akan datang memandangkan permintaan berterusan bagi pembiayaan untuk pembelian rumah kediaman dan kenderaan bermotor, memandangkan populasi Malaysia yang secara relatif lebih muda dan tahap pendapatan yang semakin meningkat. Sebahagian besar iaitu 60% hutang isi rumah adalah untuk tujuan kekayaan perumahan dan pengumpulan aset selaras dengan golongan pekerja yang lebih muda dan lebih berkemampuan. Selain itu, keupayaan membayar balik hutang isi rumah kekal mampan dengan nisbah pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak kekal rendah dan stabil pada 1.2% dan 1.8% walaupun selepas kenaikan Kadar Dasar Semalaman atau *Overnight Policy Rate*, dengan izin, pada bulan Julai 2014. Aset kewangan isi rumah juga kekal stabil sebanyak

dua kali lebih daripada hutang. Manakala, hasil daripada pengukuhan amalan pembiayaan dan penilaian kemampuan membayar, kualiti peminjaman baharu isi rumah juga bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Risiko terhadap kestabilan kewangan kekal terkawal disokong oleh langkah kehematan makro dan fiskal yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dan Bank Negara Malaysia sejak 2010 serta amalan pemberian pinjaman dan pengurusan kredit yang berhemat oleh institusi peminjam. Langkah-langkah ini termasuk menggalakkan pasaran harta tanah yang mampan dan membendung tingkah laku spekulatif, meringankan beban rakyat menerusi bantuan kewangan (BR1M), pelaksanaan langkah kehematan makro untuk memastikan pengembangan kredit berhemat dan menggalakkan tingkah laku individu dan institusi kewangan yang bertanggungjawab. Selain itu, peminjam-peminjam juga mempunyai akses kepada perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit yang menawarkan program seperti Program Celik Kewangan, Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) dan Program Pengurusan Kredit,

dengan izin *Debt Management Programme*, untuk individu yang memerlukan bantuan dan nasihat dalam mengurus bebanan kredit dengan institusi kewangan yang dikawal selia oleh pihak Bank Negara Malaysia. Justeru, kadar pertumbuhan hutang isi rumah dijangka akan terus sederhana hasil daripada kesan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia.